

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (10)
Tarikh : 29 Mac 2016

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "SUAMI ISTERI RAYU LULUSKAN PERMOHONAN MYKAD ANAK ANGKAT" BERTARIKH 28 MAC 2016, ISNIN – M.S: 41

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Sidik bin Wahab berkaitan permohonan taraf kewarganegaraan anak angkat beliau.
3. Hasil semakan mendapati Encik Sidik bin Wahab telah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan di bawah perkara 15 (A) Perlembagaan Persekutuan bagi Nurul Adila binti Ruslan. Permohonan terdahulu telah dikeluarkan dengan keputusan tidak berjaya pada 11.10.2013.
4. Permohonan terbaru telah dikemukakan pada 21.4.2014. Bagi permohonan terbaru masih dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri untuk pertimbangan dan keputusan.
5. Untuk makluman, sebarang keputusan berkaitan permohonan kewarganegaraan tersebut akan dimaklumkan secara bersurat berdasarkan alamat yang telah dikemukakan semasa permohonan dibuat.
6. Ingin ditegaskan, memenuhi syarat permohonan bukanlah bermakna permohonan tersebut akan diluluskan kerana ianya hanyalah melayakkan permohonan tersebut dikemukakan dan sebarang keputusan tertakluk kepada kerajaan serta tidak layak untuk dipersoalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' Sri KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)